



27 Jun 2024

KENYATAAN MEDIA PAC

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan **Laporan PAC Parlimen Terhadap Tindakan Susulan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Bagi Syor-Syor Laporan PAC Berhubung Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA (DR.19/2024).**
2. Laporan ini adalah bagi memaklumkan tindakan susulan yang diambil MOF dan LADA terhadap syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC berhubung Pengurusan Pembangunan Hartanah LADA (DR.4/2024) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 19 Mac 2024 seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 304 (b) Tahun 2023.
3. PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen DR.4/2024 pada **12 Jun 2024** dan saksi yang hadir adalah **YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Haji Ahmad**, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan), MOF dan **YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid**, Ketua Pegawai Eksekutif LADA.
4. Dalam setiap tindakan susulan terhadap syor laporan PAC, Jawatankuasa ini turut memberikan ulasan kepada setiap tindakan susulan yang diambil oleh MOF dan LADA.

5. PAC mengambil maklum usaha positif yang diambil MOF dan LADA bagi memastikan Langkawi terus menjadi destinasi geo-pelancongan (*geotourism*) utama di rantau ini sekaligus menjadi tumpuan pelancong dunia.
6. Lanjutan daripada syor-syor PAC mengenai isu pajakan tanah LADA bagi isu Hotel St. Regis, Jawatankuasa ini telah dimaklumkan perjanjian antara pemegang-pemegang saham dimuktamadkan dan ditandatangani pada 10 Jun 2024, iaitu sehari sebelum PAC mengadakan lawatan kerja ke Pulau Langkawi pada 11 Jun 2024.
7. Dalam hal ini, PAC ingin menegaskan bahawa MOF dan LADA perlu memastikan perjanjian pajakan tanah dan pindaan perjanjian pemegang saham antara INR Sdn. Bhd., MKD dan LADA sentiasa dipatuhi. MOF perlu segera memastikan tunggakan pajakan tanah dibayar dalam tempoh enam (6) bulan selepas perjanjian ditandatangani.
8. Rundingan mengenai pelan pemulihan komprehensif yang telah dimulakan pihak INR Sdn. Bhd. dengan pihak Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan pihak *Receiver and Manager* (R&M) perlu segera dimuktamadkan bagi memastikan tunggakan pinjaman INR Sdn. Bhd. dapat dijelaskan kepada BPMB.
9. Di samping itu, MOF hendaklah memastikan tindakan yang akan dilaksanakan terhadap hala tuju projek Perkampungan Tok Senik Resort tidak akan melibatkan implikasi kewangan dan perundangan di pihak Kerajaan.

10. Selain itu, PAC berpandangan pengurusan Jeti Pelancongan Kuah yang dibina dengan kos sebanyak RM7.3 juta perlu diuruskan sendiri oleh LADA atau melalui anak syarikatnya iaitu Langsura Geopark Sdn. Bhd. memandangkan peruntukan pembinaan jeti ini datang daripada peruntukan Kerajaan.
11. Bagi projek-projek pembangunan, LADA perlulah lebih komited dan proaktif dalam memantau pelaksanaan setiap projek pembangunan bagi memastikan kualiti serta mencapai kemajuan projek seperti dijadualkan.
12. PAC juga menyeru pelbagai agensi dan Jabatan Kerajaan sama ada di peringkat Pusat atau Negeri berkaitan perlu bersama-sama LADA dalam meningkatkan kemudahsampaian pengangkutan feri penumpang bagi memastikan pelbagai segmen pelancong mendapat akses masuk ke Langkawi.
13. Kelebihan pelancongan Langkawi adalah pada Hutan Geopark dan LADA perlu mengeksplorasi industri ini dengan lebih agresif di peringkat antarabangsa. Justeru, LADA hendaklah lebih giat meneruskan libat urus bersama pihak-pihak berkaitan dalam usaha melaksanakan program yang dirancang sekaligus mempromosi Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kekal diiktiraf di mata dunia.
14. Orang ramai boleh membaca setiap tindakan susulan LADA dan MOF serta ulasan PAC dengan melayari laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen